

**NO. SOALAN: 265**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [ BAKRI ]**

**RUJUKAN : 9110**

**SOALAN:**

Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan senarai sindiket penipuan oleh warga asing yang berlaku dalam negara telah disiasat, masih dalam perbicaraan, dihukum dan dibebaskan mengikut negara asal, dan apakah pelaku tersebut menerima hukuman yang sama apabila balik ke negara masing-masing.

**JAWAPAN:**

Kementerian Dalam Negeri memandang serius kes-kes jenayah penipuan terutamanya yang melibatkan sindiket warga asing di negara ini, antara kes-kes penipuan yang dilakukan oleh sindiket warga asing ini adalah seperti “*Love Scam*”, “*Macau Scam*” dan “*Black Money*” dan kebiasaannya melibatkan jumlah kerugian yang besar.

Statistik kes penipuan yang melibatkan warga asing bagi tahun 2015 sehingga Mac 2016 adalah seperti berikut:-

- i) Bagi tahun 2015, sejumlah 1095 kes penipuan telah direkod membabitkan jumlah kerugian sebanyak RM RM 38,731,373.30 dan telah berjaya membuat tangkapan seramai 1368 orang warga asing atas pelbagai kesalahan jenayah komersil. Dari jumlah tersebut seramai 1171 orang terlibat dengan kes penipuan;
- ii) Sehingga Mac 2016, sejumlah 534 kes telah dilaporkan membabitkan kerugian sejumlah RM 30,430,167.20 dan telah berjaya membuat tangkapan seramai 305 orang warga asing atas pelbagai kesalahan komersil. Dari jumlah tersebut seramai 204 orang terlibat dengan kes penipuan.

Setiap siasatan akan dirujuk kepada Pejabat Timbalan Pendakwaraya untuk keputusan. Pendakwaan akan dijalankan jika keterangan memenuhi intipati kesalahan. Selain daripada itu, warga asing akan dituduh di bawah Akta Imigresen 1959/1963 jika melanggar permit lawatan atau tidak memiliki dokumen perjalanan yang sah walaupun tiada keterangan yang mencukupi untuk pertuduhan bagi kesalahan menipu.

Warganegara asing yang telah menjalani hukuman penjara akan diserahkan kepada Jabatan Imigresen untuk tindakan lanjut bagi tujuan pengusiran ke negara asal. Sama ada pesalah itu menerima hukuman yang sama di negara asalnya adalah terpulang kepada negara masing-masing.